

Nasihat Dr M kepada yang menang...

"WINNERS don't take all: Dr M", kata kepada muka hadapan di New Sunday Times Ogos 1, 1982. Mengenai subjek yang sama, Utusan Zaman (Ogos 1) pula menyiarkan di muka hadapannya kepada yang berbunyi "Ahli UMNO dingat: Yang menang tak mendapat semua — Mahathir."

Berita berikutnya kepada di Utusan Zaman tadi (yang berpunca dari Sabak Bernam) berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Sabtu lalu berpesan pada ahli-ahli UMNO yang bertanding "yang menang tidak mendapat semua dan yang kalah tidak hilang semua".

Presiden UMNO itu menambah, ada anggapan di kalangan ahli-ahli parti sekarang bahawa yang menang dalam sesuatu pilihan itu akan dapat memiliki segala-galanya. (Mini-Komen: Mengikuti apa yang penulis terbacca di dalam buku dan ternampak di dalam T.V. bahawa di antara orang-orang yang berbanduk kepada prinsip "Yang menang membolot segala-galanya, yang kalah menyerahkan segala-galanya" adalah anggota-anggota "Mafia Gang" dan ahli-ahli kumpulan lanun, yakni, "pirates"; pemimpin-pemimpin rejim kuku besi, baik dari Sayap Kanan ataupun Sayap Kiri dan, "last but not least", orang-orang Yahudi ataupun yang berhati Yahudi!

Datuk Seri Dr. M menegaskan kemenangan yang dicapai oleh ahli-ahli UMNO dalam sesuatu pemilihan tidak bermakna la boleh melantik "orang-orangnya" ke jawatan-jawatan tertentu dengan mengeneipkan orang-orang lain — lebih-lebih lagi, agaknya, jika "orang-orang lain" itu lebih cekap, lebih bersih dan lebih beramanah.... (Mini-komen: "Orang-orangnya", yang dimaksudkan oleh Dr. M itu, agaknya, adalah penyokong-penyokong, yakni, "supporters" yang menghusung sepaduk dan "melobi" bagi pihak mereka di pilihanraya umum ataupun parti. Atau dalam konteks "Mafia Gang" pula, orang-orang yang membantunya dalam usaha "menumbangkan" lawan melalui likaman atau tembakan di dalam gelap ataupun dari belakang....)

"Sekiranya perbuatan ini diamalkan, ia akan memecah-belahkan parti kerana tidak ada orang yang akan menyertai UMNO lagi" — kecuai, agaknya, orang yang berjiwa lanun ataupun Mafia? (Mini-komen: "Perbuatan" yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri merangkap Presiden Parti itu bukan setakat "memecah-belahkan" parti sahaja malah boleh "menggulingkan" pemimpin yang mengamalkannya — kerana pilihanraya Negara ataupun parti bukanlah dijalankan cuma sekali dalam satu abad atau "century".... Dan seperti semua orang tahu undi adalah sulit seperti bola adalah bulat. Oleh itu orang yang "naik" di hari ini melalui undi ataupun bola, boleh dengan mudah terguling — atau dalam bahasa kasar, "tersungkur" — di esok hari.... Ingatlah pengajaran ini, wahai tokoh-tokoh politik, khususnya "the winners", yakni, yang menang, dan pemain bolasepak di mana jua!

"Oleh itu," tambah Datuk Seri Dr. M, "orang yang kalah dalam pertandingan masih mempunyai tempat dalam parti. Dengan amalan dan sikap ini barulah parti UMNO akan menjadi besar...." (Dan penulis menambah, menjadi satu parti yang benar-benar dihormati oleh rakyat, sama ada yang berada di dalam ataupun di luar parti).

Komen Penulis:

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi adalah menjelaskan maksudnya sendiri, maka tidaklah perlu bagi penulis membuat komen panjang lebar mengenai, selain dari menokok bahawa orang-orang yang dimaksudkan oleh Dr. M itu amat merbahaya kepada masyarakat. Kerana, jika mereka itu tergamak mengamalkan diskriminasi di dalam parti, dalam konteks menumpukan minat, layanan dan "favour" hanya kepada ahli-ahli yang melaungkan sokongan peribadi kepada mereka dan yang menghusung "sepaduk peribadi" mereka, dengan membelakangkan sama sekali ahli-ahli parti yang lain — maka bolehkah orang seperti itu — jika dilakdirkan Tuhan menjadi pemimpin atasan — diharapkan untuk menunjukkan simpati atau memberi layanan yang adil kepada orang-orang yang bukan ahli parti? Kalau mereka itu membelakangkan kepentingan orang-orang parti sendiri yang tidak dianggap sebagai "penyokong peribadi" yang setia, yakni, "loyal personal supporters", mereka tentu sekali akan menganggap kesemua (ulangi, kesemua) orang yang bukan ahli parti sebagai "musuh negara" yang semestinya dihapuskan dari muka bumi ini....

Itulah sebabnya mengapa baru-baru ini (mengikuti ingatan penulis) Datuk Seri Dr. Mahathir — selaku seorang "gentleman" tulen, yang tidak kehilangan kepala "in the hour of victory", yakni, di saat-saat kemenangan — menasihatkan parti supaya jangan menganggap orang bukan parti sebagai musuh atau lawan belaka, kerana kata beliau anggapan seperti ini akan membawa kepada kehilangan sokongan mereka itu terhadap parti (kerana, mungkin di antara mereka yang dianggap "musuh" itu, ada yang telah dan akan memberi sokongan dan undi kepada parti, tanpa mendaftarkan diri sebagai ahli ataupun melaungkan sokongan di tepi jalan dan di tengah padang....)

Mengenai subjek pemimpin jua, Timbalan Menteri Penerangan, Puan Rahman Osman, mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan bersikap angkuh apabila mereka memegang jawatan dan mempunyai kuasa serta kedudukan dalam parti. (Berita Minggu Ogos 1, 1982, di bawah tajuk kecil "Jangan angkuh").

Catitan Khas:

Maka dengan ini teringatlah penulis kepada "syarahan" Maklim (tok guru Koran) penulis di waktu penulis di bangku sekolah lebih dari 50 tahun dahulu — jangan berperangai angkuh, kerana katanya, Tuhan tidak akan menyebelahi orang-orang yang angkuh.

Dan mengenai kuasa pula, Maklim berkata, "Hanya kuasa dan kebesaran Tuhan yang berkekalan...."

No. Siri 2924

No. Penerimaan 669/85